

**ETIKA DAN TANGGUNGJAWAB KHALIFAH DALAM PENGURUSAN LAUT
MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN*****ETHICS AND RESPONSIBILITIES OF CALIPHS IN SEA MANAGEMENT
ACCORDING TO AL-QURAN'S PERSPECTIVE***Asma' Wardah Surtahman¹, Noor Aziera Mohamad Rohana²¹ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 77300 Kampus Jasin, Melaka, asmawardah@uitm.edu.my² Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 77300 Kampus Jasin, Melaka, aziera7863@uitm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

Abstrak

Allah menciptakan laut dengan pelbagai keadaan dan tujuan sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Qur'an. Artikel ini akan membincangkan tiga perkara iaitu, (1) konsep dan hikmah penciptaan laut berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an, (2) pengurusan laut dalam pelayaran dan kehidupan, (3) etika dan tanggungjawab khalifah terhadap laut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan deskriptif dengan menggunakan sumber al-Qur'an sebagai rujukan utama. Artikel ini akan memaparkan keluasan lapangan ilmu berkenaan laut di dalam al-Qur'an yang menyentuh aspek keperluan manusia serta hubungannya terhadap laut dan penciptaan hidupan di dalamnya. Kesimpulannya, manusia merupakan khalifah yang bertanggungjawab dalam menjaga dan memelihara bumi terutamanya laut. Manusia perlu sedar akan hakikat hikmah penciptaan laut dan sentiasa merujuk al-Qur'an sebagai dasar panduan dan pengetahuan berkenaan laut dan hidupnya agar dapat dimanfaatkan di dalam kehidupan.

Kata kunci

etika, tanggungjawab, khalifah, laut, al-Qur'an

Abstract

God created the sea with various conditions and purposes as stated in al-Qur'an. This article will discuss three things, (1) the concept and wisdom of the sea creation based on the verses from al-Qur'an, (2) the management of the sea, (3) the ethics and responsibility of the caliph towards the sea. This study is a qualitative and descriptive study using the Qur'anic source as the main reference. This article will display the vastness of knowledge about the sea in al-Qur'an that includes human needs as well as its relationship to the sea and the creation of life in it. In conclusion, humans are the caliphs who are responsible for looking after and conserving the earth,

especially the sea. Humans need to be aware of the wisdom through sea creation and always refer to al-Qur'an as a basis for guidance and knowledge about the sea and its life so that it can be used in life.

Keywords

ethics, responsibility, caliph, sea, al-Qur'an

1.0 Pendahuluan

Laut diistilahkan sebagai *al-bahr* (*Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*) dalam bahasa Arab dan juga *al-muhit* yang memerihalkan lautan luas seperti Lautan Atlantik (*al-Muhit al-Atlanti*), Lautan Pasifik (*al-Muhit al-Hadi*) dan Lautan Hindi (*al-Muhit al-Hindi*) (Abd. B. Nuh, Oemar Bakry, 1995). Terdapat 33 perkataan untuk *al-bahr* di dalam al-Qur'an iaitu empat ayat bagi perkataan *bahrayn* (al-Kahf: 60; al-Furqan: 53; al-Naml: 61; al-Rahman: 19), dua ayat bagi perkataan *al-bihar* (al-Takwir: 6; al-Infitar: 3), satu ayat bagi perkataan *al-bahran* (al-Fatir: 12), *abhur* (Luqman: 27) serta *bahirah* (al-Ma'idah: 103) dan sembilan ayat bagi perkataan *muhit* (al-Baqarah: 19; Ali-'Imran: 120 al; -Anfal: 47; al-Taubah: 49; Hud: 84, 92; al-'Ankabut: 54; Fussilat: 54; al-Buruj: 20) dan *muhitan* (al-Nisa': 108, 126). Di samping itu, sungai turut memainkan peranan penting seperti laut dalam kehidupan manusia. Justeru, terdapat 53 perkataan untuk sungai, iaitu *nahr* (al-Baqarah: 249; al-Qamar: 54), *naharan* (al-Kahf: 33), *al-anhar* (al-Baqarah: 25, 74, 266; Ali-'Imran: 15, 136, 195, 198; al-Nisa': 13, 57, 122; al-Ma'idah: 12, 85, 119; al-An'am: 6, al-'Araf: 43; al-Taubah: 72, 89, 100, 109; Yunus: 9; al-Ra'd: 35; Ibrahim: 32; al-Nahl: 31; al-Isra': 91; al-Kahf: 31; Taha: 76; al-Hajj: 14, 23; al-Furqan: 10; al-'Ankabut: 58; al-Zumar: 20; al-Zukhruf: 51, Muhammad: 12; al-Fath: 5, 17; al-Hadid: 12; al-Mujadalah: 22; al-Saff: 12; al-Taghabun: 9; al-Talaq: 11; al-Tahrim: 8; al-Buruj: 11, al-Bayyinah: 8) serta *anharan* (al-Ra'd: 3; al-Nahl: 15; al-Naml: 61; Nuh: 12) dan lapan perkataan untuk *al-Yamm* yang membawa maksud sungai dan laut (al-'Araf: 136; Taha: 39, 78, 97; al-Qasas: 7, 40; al-Dharyat: 40).

2.0 Konsep dan Hikmah Penciptaan Laut

Perbincangan adalah berkisar pada konsep dan hikmah penciptaan laut menerusi contoh-contoh dari ayat al-Qur'an, pengurusan laut dalam tujuan pelayaran dan kehidupan serta etika dan tanggungjawab khalifah dalam pengurusan berkaitan laut dan sungai.

2.1 Konsep Penciptaan Laut

Allah SWT menciptakan laut dengan pelbagai keadaan, ada laut yang airnya masin dan ada yang tawar. Terdapat juga lautan yang besar yang padanya pulau-pulau dan sungai-sungai yang mengalir darinya. Sungai Nil merupakan antara sungai yang terpanjang di bumi. Ia melewati negara Sudan, Ethiopia dan kota-kota yang besar seperti Uganda sehinggalah ke Mesir. Bagi Ethiopia, aliran sungai Nil membawa manfaat untuk kehidupan penduduknya dan pengairan pertanian serta tanaman. Menurut Ibn Kathir, Ethiopia merupakan wilayah yang paling berhak dan terbukti dilewati Sungai Nil (Abdullah Abdul Muhsin, 2012) sebagaimana firman Allah S.W.T:

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا نَسُوقُ الْمَاءَ إِلَى الْأَرْضِ الْجُرُزِ فَنُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا تَأْكُلُ مِنْهُ أَنْعَامُهُمْ
وَأَنْفُسُهُمْ أَفَلَا يُبْصِرُونَ

Maksudnya: Dan tidakkah mereka (yang tidak mahu taat dan bersyukur) itu melihat bahawasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman, yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan mereka sendiri? Maka mengapa mereka tidak mahu memerhati (semuanya itu supaya taat dan bersyukur)?

(al-Sajdah 32:27)

Manakala, di dalam surah al-Hajj, ayat 5 memaparkan perihal daratan yang kering dilimpahi air mengikut ketentuannya sebagaimana firmanNya :

... وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَاذًا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ
كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ

Maksudnya: ...Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.

)al-Hajj 22:5)

Ini menunjukkan bukti bagi kekuasaan Allah SWT yang berkuasa menghidupkan bumi yang sudah mati dan menjadi kering apatah lagi menghidupkan makhluk yang sudah mati kerana Dialah penciptanya (H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy, 1994). Pembuktian berkenaan ciri-ciri laut ada disebutkan di dalam al-Qur'an. Antaranya ialah:

مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ

Maksudnya: Ia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu;

(al-Rahman 55:19)

Tentang kedua lautan tersebut, Allah berfirman dalam surah al-Furqan:

وَهُوَ الَّذِي مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ وَهَذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا بَرْزَخًا
وَحِجْرًا مَحْجُورًا

Maksudnya: Dan Dia lah Tuhan yang telah mengalirkan dua laut berdampingan, yang satu tawar lagi memuaskan dahaga, dan yang satu lagi masin lagi pahit; serta Ia menjadikan antara kedua-dua laut itu sempadan dan sekatan yang menyekat percampuran keduanya.

(al-Furqan 25:53)

Allah SWT berfirman bahawa Dia telah membiarkan dua laut mengalir berdampingan, satu mengandungi air yang tawar dan segar manakala satu lagi mengandungi air yang masin dan pahit. Air yang tawar dan segar itulah yang dikurniakan Allah SWT kepada hamba-hambanya melalui saluran sungai-sungai dan mata air. Sedangkan air laut itu dijadikan masin dan pahit agar dapat bertahan daripada segala kotoran yang masuk ke

dalamnya seperti bangkai-bangkai binatang (Abdullah Abdul Muhsin, 2012). Selain itu, terdapat firman Allah SWT di dalam surah al-Naml yang memperihal keadaan sedemikian juga:

أَمَّن جَعَلَ الْأَرْضَ قَرَارًا وَجَعَلَ خِلَالَهَا أَنْهَارًا وَجَعَلَ لَهَا رَوَاسِيَ وَجَعَلَ بَيْنَ
الْبَحْرَيْنِ حَاجِزًا ۗ أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَكْثَرُ هُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: Atau siapakah yang telah menjadikan bumi tempat penetapan dan telah menjadikan sungai-sungai di antara bahagian-bahagiannya dan telah menjadikan untuknya gunung-ganang yang menetapnya; dan juga telah menjadikan di antara dua laut (yang masin dan yang tawar) sekatan (semula jadi) yang memisahkannya? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan kebanyakan mereka (yang musyrik itu) tidak mengetahui.

(al-Naml 27:61)

2.2 Hikmah Penciptaan Laut

Antara hikmah penciptaan laut kepada manusia ialah:

i) Melahirkan rasa syukur

Segala ciptaan Allah SWT di muka bumi ini mengandungi banyak hikmah yang harus difikirkan dan direnungi oleh khalifahNya. Antara hikmah terbesar penciptaan laut yang seringkali diulang di dalam ayat al-Qur'an adalah agar manusia bersyukur. Berikut adalah penjelasan konsep syukur melalui salah satu firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا
وَتَرَى الْفُلُكَ مَوَاجِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: Dan Dia lah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; dan supaya kamu bersyukur.

(al-Nahl 16:14)

Menerusi ayat ini, ia menjelaskan tujuan penciptaan laut yang mengajak manusia agar mensyukuri nikmat dari laut dan segala isinya. Selain itu, Allah SWT memberi ilham kepada hamba-hambaNya agar dapat membina kapal-kapal yang dapat mengharungi lautan bagi memanfaatkan nikmat yang diberikan iaitu mencari rezeki (M. Quraish Shihab, 1996). Dalam konteks inilah, janji Allah SWT sebagaimana firmanNya:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya: ... Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, ...".

(Ibrahim 14:7)

Ia menunjukkan betapa anugerah dan kurnia Allah SWT sentiasa bertambah apabila makhluknya sentiasa bersyukur dengan pemberianNya dan memanfaatkan sebaiknya. Manakala, apabila seseorang itu tidak mensyukuri nikmat malah mengingkari pemberian

Allah SWT , maka, balasan yang buruk akan ditimpakan kepada mereka. Sebagaimana dalam surah al-Syura dan surah Luqman yang dapat diambil pengajaran oleh manusia iaitu:

وَمِنْ آيَاتِهِ الْجَوَارِ فِي الْبَحْرِ كَالْأَعْلَمِ 32 إِنْ يَشَأْ يُسْكِنِ الرِّيحَ فَيَظْلَلْنَ رَوَاكِدَ
عَلَى ظَهْرِهِ ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ 33 أَوْ يُوقِفَهُنَّ بِمَا كَسَبُوا وَيَعْفُ
عَنْ كَثِيرٍ 34

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah kapal-kapal (yang besar tinggi) seperti gunung, belayar laju merempuh lautan. Jika Ia kehendaki, Ia menghentikan tiupan angin, maka tinggallah kapal-kapal itu terapung-apung di permukaan lautan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi tanda-tanda (yang besar pengajarannya) bagi tiap-tiap seorang (mukmin) yang sentiasa bersikap sabar, lagi sentiasa bersyukur. Atau kapal-kapal itu dibinasakan-Nya kerana perbuatan mereka atau Dia memberi maaf sebahagian besar (dari mereka).

(al-Syura 42:32-34)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ الْفُلُوكَ تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِنِعْمَتِ اللَّهِ لِيُرِيَكُمْ مِنْ آيَاتِهِ ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ
لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ

Maksudnya: Tidakkah engkau memerhatikan bahawasanya kapal-kapal belayar di laut dengan nikmat Kurnia Allah, untuk diperlihatkan kepada kamu sebahagian dari tanda-tanda kemurahanNya? Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan dan bukti (untuk berfikir) bagi tiap-tiap (mukmin) yang tetap teguh pendiriannya, lagi sentiasa bersyukur.

(Luqman 31:31)

ii) Bijak dalam memanfaatkan kurniaan Allah

Disamping itu, manusia sebagai khalifah di bumi haruslah bijak dalam memanfaatkan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT. Nikmat ini banyak diulang-ulang dalam firman Allah SWT sebagaimana berikut:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ
رِزْقًا لَكُمْ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمْ الْفُلُوكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمْ الْأَنْهَارَ 32
وَسَخَّرَ لَكُمْ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبَيْنِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمْ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ 33 وَءَاتَاكُمْ مِنْ كُلِّ
مَا سَأَلْتُمُوهُ ۗ وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا ۗ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ 34

Maksudnya: Allah SWT jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). Dan Ia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu. Dan Ia telah memberi kepada

kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya.

(Ibrahim 14: 32-34)

iii) Galakan menyelidiki kejadian laut

Justeru itu, al-Qur'an sebagai panduan utama umat manusia banyak memerihalkan tentang faedah/kegunaan setiap kejadian alam ciptaan Allah S.W.T dan galakan memperhatikan dan menyelidiki kejadian-kejadian tersebut. Sebagai contoh surah al-Nahl, ayat 36, firman Allah SWT:

... فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ

Maksudnya : "...Maka di antara mereka ada yang diberi hidayah oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-RasulNya"

(al- Nahl, 16 : 36)

Oleh yang demikian, mensyukuri nikmat Allah SWT mendominasi hikmah penciptaan alam terutamanya laut sebagai fokus perbincangan dalam penyelidikan ini. Sebagai manusia yang memanfaatkan kurniaan Allah SWT, konsep kesederhanaan amat dititiberatkan agar tidak melampaui batas dalam segala perbuatan dan pertuturan. Perkataan *al-bahr* di dalam al-Qur'an mahupun di dalam kamus bahasa Arab bukanlah hanya bermaksud sebagai lautan yang diketahui sebelum ini. Ia membawa maksud yang lebih luas penggunaannya. Maka, seleksi terhadap perkataan *al-bahr* terutama dalam penggunaannya melewati firman Allah SWT adalah dirujuk melalui terjemahan ayat dan tafsir muktabar bagi menjelaskan makna sebenar *al-bahr*. Sebagai contoh, dalam surah al- Tur, ayat 6:

وَالْبَحْرُ الْمَسْجُورُ

Maksudnya: Dan laut yang di dalam tanahnya ada api.

(al-Tur 52: 6)

Al-bahr yang dimaksudkan di sini sebagaimana menurut Ibn Kathir adalah lautan api di hari kiamat kelak (Abdullah Abdul Muhsin, 2012). Juga dalam ayat surah al- Takwir iaitu:

وَإِذَا الْبِحَارُ سُجِّرَتْ

Maksudnya: Dan apabila lautan meluap-luap bercampur baur.

(al-Takwir 81:6)

Berkenaan penciptaan laut, terdapat bukti jelas menerusi ayat-ayat al-Qur'an berkenaan sifat air laut yang tawar dan masin bagi tujuan kehidupan makhluk di dalamnya serta sebagai manfaat kepada manusia. Justeru itu, penciptaannya mengandungi hikmah yang mengajak manusia agar mensyukuri dan memanaati segala pemberian Allah SWT.

3.0 Pengurusan Laut: Pelayaran dan Kehidupan

Luasnya lautan di permukaan bumi membolehkan manusia sebagai khalifah menggali potensi yang terdapat di dalamnya agar dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan hidup. Banyak ayat al-Qur'an yang menjurus kepada manfaat laut dan terdapat ayat-ayat yang diulang agar manusia dapat berfikir dan menyedari hikmah penciptaan laut kepada kehidupan di dunia. Oleh yang demikian, laut dapat dimanfaatkan oleh manusia, haiwan dan tumbuhan. Perkara ini dapat dibuktikan dengan dalil-dalil dari al-Qur'an.

Manusia merupakan khalifah Allah SWT di muka bumi yang bertanggungjawab memakmurkan segala manfaat dan rezeki yang diberikan oleh Allah SWT sebaik-baiknya. Sebagai makhluk yang diberikan akal, manusia mampu untuk mentadbir bumi dengan panduan yang diberikan oleh Allah SWT melalui al-Qur'an dan al-Sunnah. Banyak firman Allah SWT yang menjurus kepada manfaat laut kepada manusia. Antaranya ialah:

رَبُّكُمْ الَّذِي يُزْجِي لَكُمْ الْفُلْكَ فِي الْبَحْرِ لَتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Maksudnya: Tuhan kamulah yang menjalankan untuk kamu kapal-kapal di laut, supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; sesungguhnya Ia adalah Maha Mengasihani kepada kamu.

(al-Isra' 17:66)

Justeru itu, manusia dapat menjadikan laut sebagai sumber makanan, perhiasan dan juga sebagai medium pengangkutan dengan tujuan perdagangan, penghijrahan dan pelayaran. Berikut adalah perincian tentang faedah lautan bagi manusia:

i) Sumber Makanan dan Perhiasan

Adapun hidupan di laut sebahagian besarnya menjadi sumber rezeki dan makanan kepada manusia. Terdapat pelbagai spesies ikan dan hidupan lain yang diburu oleh para nelayan sebagai sumber pendapatan dan juga pelayar yang memburu untuk kelangsungan hidup bagi meneruskan sesuatu perjalanan. Antara sumber makanan dari hidupan laut ialah pelbagai jenis ikan (seperti pari, jenahak, siakap, bawal dan tenggiri), pelbagai jenis cengkerang (seperti kerang, kepah dan sebagainya), sotong dan udang.

Justeru itu, ayat-ayat al-Qur'an berkisar pada makanan laut sering berdampingan dengan perhiasan kerana kedua-dua perkara ini adalah sumber rezeki utama yang diperolehi dari laut. Allah SWT secara khusus menyebut tentang laut dan manfaat melayari laut, sebagaimana dalam surah al-Fatir: 12:

وَمَا يَسْتَوِي الْبَحْرَانِ هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ سَائِغٌ شَرَابُهُ وَهَذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ وَمِنْ كُلِّ تَأْكُلُونَ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُونَ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى الْفُلْكَ فِيهِ مَوَاجِرَ لَتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: Dan tidaklah sama keadaan dua laut (sekalipun satu jenisnya), yang satu tawar lagi memuaskannya dahaga serta sesuai diminum, sementara yang satu lagi masin lagi pahit. Dan (kedua-duanya itu berfaedah kepada kamu): dari tiap-tiap satunya kamu dapat makan daging yang lembut – hidup-hidup, dan dapat pula kamu mengeluarkan

benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya; (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal membelah air belayar padanya; (diadakan semuanya itu) supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia Allah, dan supaya kamu bersyukur.

(al- Fatir 35:12)

Menerusi ayat 12, surah al- Fatir, Allah SWT berfirman memperingatkan perihal kekuasaanNya yang agung dalam menciptakan banyak hal. Dia menciptakan dua laut, ada yang tawar lagi jernih, dan ada yang masin iaitu lautan. Adapun air yang tawar itu adalah sungai-sungai yang mengalir dan boleh diminum. Ayat ini menyamai ayat 53 surah al-Furqan dengan ditambah bahawa antara air tawar dan air yang masin terdapat sempadan yang menyekat percampuran keduanya; "وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا بَرْزَخًا وَجِجْرًا مَّحْجُورًا". Ini berdasarkan pembatasan dan penghalang yang sesuai dengan tabiatnya yang difitrahkan oleh Allah SWT. Aliran sungai biasanya lebih tinggi dari permukaan laut sehingga sungai yang berair tawar akan jatuh ke lautan yang berair masin dan ia tidak terjadi di sebaliknya, kecuali situasi-situasi tertentu. Rujuk pada Sayyid Quthb (t.t.). Tafsir Fi-Zhilalil Qur'an:Di Bawah Naungan al-Qur'an (terj.). Jil. 8,. Robbani Press. Hlm. 307. Lihat juga surah al-Rahman 55, ayat 20 iaitu "بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يَبْغِيَانُ" yang bermaksud: Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya.

Firman Allah SWT *وَهَذَا مَلْحٌ أجاج* yang bermaksud *dan ini masin lagi pahit*; ia bermaksud lautan yang biasa dilewati oleh kapal-kapal besar. Kemudian Allah SWT berfirman, *وَمِنْ كُلِّ تَأْكُلُونَ لَحْمًا طَرِيًّا* iaitu maksudnya *dan dari masing-masing laut itu kamu dapat memakan daging yang segar* iaitu ikan. Lanjutan daripada ayat ini iaitu *وَتَسْتَخْرِجُونَ* *وَتَسْتَخْرِجُونَ* yang bermaksud *dan kamu dapat mengeluarkan perhiasan yang kamu dapat memakainya* dikuatkan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Rahman, iaitu (Ibnu Kathir. 2011):

يَخْرُجُ مِنْهُمَا اللُّؤْلُؤُ وَالْمَرْجَانُ

Maksudnya: "Dari keduanya keluar mutiara dan *marjan*."

(Surah al- Rahman 55: 22).

Marjan yang disebutkan dalam ayat al-Qur'an tersebut adalah sejenis mutiara yang halus (Muhd. Rashid al-Qabbani, 1978).

Dalam ayat yang sama juga, diterangkan berkenaan cara kapal belayar melalui ayat "وَتَوَرَى الْفُلُكُ فِيهِ مَوَاجِرُ" iaitu, membelah laut dengan anjungnya yang mirip dengan dada burung. Mujahid mengatakan angin mendorong untuk kapal bergerak dan angin itu tidak mendorong kecuali hanya kapal-kapal yang besar. Begitu juga dalam ayat "لِيَتَّبِعُوا مِنْ فَضْلِهِ" iaitu faedah perjalanan dalam bentuk perniagaan dari suatu kawasan ke kawasan yang lain atau dari negeri lain. Dalam ayat ini juga, diterangkan konsep syukur terhadap nikmat yang diberikan dan kebesaran Allah SWT Umat manusia juga disarankan untuk melakukan perjalanan ke tempat-tempat yang dikehendaki tanpa halangan untuk berbuat demikian. Bahkan dengan kekuasaan Allah, Dia menundukkan bagi umat manusia semua yang berada di langit dan di bumi (Ibn Kathir, 1993). Justeru itu, para pelayar juga memperolehi sumber makanan sepanjang perjalanan melalui hidupan laut. Ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam firmanNya iaitu:

أَجَلٌ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَاعًا لَكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ وَحُرْمٌ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا
دُمْتُمْ حُرْمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ

Maksudnya: Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran; tetapi diharamkan atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu sedang berihram. Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah, yang kepadaNya kamu akan dihimpunkan.

(al-Ma'idah 5: 96)

Tujuan kapal belayar adalah sebagai sumber mencari makanan di laut (ikan) samada untuk keperluan harian sendiri mahupun untuk tujuan dijual. Tidak dapat dinafikan juga, bagi pelayar-pelayar yang dalam perjalanan, di samping menangkap ikan, mereka juga mengambil kesempatan untuk mengutip butiran-butiran mutiara dan batu karang yang berada di bahagian dalam laut untuk dipasarkan sebagai barang perhiasan samada melalui proses pengubahsuaian mahupun jualan secara langsung. Nikmat yang diberikan Allah S.W.T ini terdapat dalam firmanNya iaitu surah al-Nahl:

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حَبْلًا حَلِيَّةً تَلْبَسُونَهَا
وَتَرَى الْفُلْكَ مَوَاجِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: "Dan Dialah, Allah yang menundukkan lautan (untukmu) agar kamu dapat memakan daripadanya daging yang segar (ikan), dan kamu mengeluarkan dari lautan itu perhiasan yang kamu pakai dan kamu melihat bahtera belayar padanya, dan supaya kamu mencari (keuntungan) daripada kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur".

(al- Nahl 16: 14)

Di dalam kitab *°Ajaib al-Makhlukat* yang dikarang oleh al-Qazwini banyak menggambarkan tentang hidupan di laut dan ada yang dipanggil dengan nama *al-Wal* (Syauqi Dif, 1969). Ia turut diperakui oleh Sulaiman al-Tajir apabila beliau memulakan pelayarannya di Laut Larwi. Beliau telah menyebut berkenaan ikan *al-Wal* yang ditangkapnya memiliki panjang sehingga 20 hasta. Diceritakan bahawa ikan ini memiliki wajah seperti manusia dan berupaya terbang di atas air. Terdapat juga ikan besar yang memakan ikan kecil yang lain.

Penciptaan laut memberi manfaat yang sangat besar kepada manusia. Makhluq di lautan yang terdiri daripada haiwan, permata dan wangian yang ada di dalamnya berkali ganda dari apa yang dapat disaksikan di darat, sebagaimana luasnya berlipat ganda jika dibandingkan dengan luasnya daratan. Semuanya telah diatur oleh Allah Yang Maha Pencipta. Dia yang menciptakan mutiara di dasar laut di samping batu-batu besar di dalam laut (Muhd. Rashid al-Qabbani, 1978).

ii) Pengangkutan dan Pelayaran

Pernyataan firman-firman Allah SWT yang terkandung di dalam al-Qur'an merupakan dorongan utama umat Islam untuk mengadakan sesuatu pelayaran. Sebagai kitab suci umat Islam, al-Qur'an merupakan panduan dan pedoman bagi seluruh aspek. Ia

merangkumi kisah-kisah sejarah silam yang berlaku kepada umat manusia dan memaparkan perkara-perkara yang bakal berlaku pada masa akan datang. Ayat-ayat al-Qur'an adalah saling berkait dan menyentuh pelbagai lapangan disiplin ilmu termasuk maritim. Terdapat banyak ayat yang memaparkan perihal laut, kapal, pelayaran sehinggakan kepada kisah-kisah umat terdahulu yang berkaitan dengan teknologi pembuatan kapal sebagaimana dalam kisah Nabi Nuh AS.

Umat manusia diajak untuk memerhatikan keajaiban-keajaiban kapal, bagaimana ia berlayar di permukaan laut bagi mengadakan perjalanan untuk mencari harta dan mendapatkan tujuan-tujuan mereka. Allah SWT menjadikannya sebagai salah satu tanda-tanda kekuasaan-Nya dan nikmat-nikmat-Nya. Allah SWT berfirman menerusi surah al-Baqarah, ayat 164 iaitu:

... وَالْفُلُكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَع النَّاسَ ...

Maksudnya: "... dan bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia..."

(al-Baqarah 2: 164)

Kapal banyak digunakan sebagai pengangkutan. Antara tujuan pengangkutan adalah membawa penumpang ke sesuatu destinasi, mengangkut barang dagangan, mencari hasil laut serta ada juga berbentuk peribadi malah keselamatan diri sebagaimana 'Ikrimah bin Abu Jahal telah menggunakan kapal bagi melarikan diri yang diterangkan pada ayat 65 surah al-'Ankabut. Allah SWT ada menyatakan berkenaan bahtera itu sebagai pengangkutan bagi manusia dan bahan-bahan bawaan mereka. Sebagaimana kapal Nabi Nuh AS yang dimuatkan dengan binatang, manusia dan barangan menerusi firmanNya:

وَعَلَيْهَا وَعَلَى الْفُلُكِ تُحْمَلُونَ

Maksudnya: Dan di atas binatang-binatang ternak itu, serta di atas kapal-kapal kamu diangkut.

(al-Mu'minun 23:22)

Di samping itu, Dia menciptakan kayu-kayu yang dapat digerakkan oleh udara sehingga dapat terbawa air dan tetap tidak tenggelam. Dia juga memberi ilham kepada hamba-hamba-Nya untuk membuat kayu-kayu itu menjadi kapal. Allah SWT juga mengirinkan angin dengan ukuran tertentu dan pada waktu tertentu yang dapat mendorong dan menjalankan kapal dari satu tempat ke tempat lain. Lalu Dia memberikan ilham kepada para pemilik kapal berupa pengetahuan tentang waktu-waktu tiupan angin sehingga mereka dapat melayarkan kapal dengan menggunakan angin (Muhd. Rashid al-Qabbani, 1978).

Allah SWT menggalakkan umat Islam mengembara untuk mengingsafi dan mengambil iktibar daripada sejarah akan kesudahan buruk golongan manusia menderhakai Allah SWT. Tujuannya supaya manusia semuanya menjadi baik perilaku dan bertakwa kepada Allah SWT.

Dalam surah al- 'Ankabut, Allah SWT berfirman melalui ayat 65:

فَإِذَا رَكِبُوا فِي الْفُلِّ دَعَوْا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ فَلَمَّا نَجَّاهُمْ إِلَى الْبَرِّ إِذَا هُمْ يُشْرِكُونَ

Maksudnya: “Maka apabila mereka menaiki kapal mereka berdoa kepada Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya, tetapi setelah Allah menyelamatkan mereka sampai ke darat, tiba-tiba mereka (kembali) mempersekutukan (Allah).”

(al-‘Ankabut 29: 65)

Menerusi ayat ini, Ibn Kathir menyatakan perihal cabaran dalam pelayaran yang memberi pilihan samada memilih keimanan atau kekufuran. Menurut beliau, Muhammad Ibn Ishaq menyebut bahawa ‘Ikrimah b. Abi Jahal telah lari ke Habsyah semasa kemenangan Rasulullah s.a.w ke atas kota Makkah dengan menaiki *al-safinah* (kapal) dan ombak telah memukul kapal mereka. Maka, berkata ahli dalam kapal itu “Wahai kaum, ikhlaskan doa kepada Tuhan kamu (Allah), sesungguhnya tiada yang dapat menyelamatkan kita dari ini melainkannya.” Boleh juga dirujuk dalam surah Yunus (10:22) berkenaan doa yang sama apabila kapal dilanda bahaya dan ribut yang kencang. Berkata ‘Ikrimah: “Demi Allah, tiada yang dapat menyelamatkan di laut kecualiNya. Ya Allah SWT, aku berjanji kepadaMu, seandainya aku selamat aku akan pergi dan meletakkan tanganku pada tangan Muhammad dan aku pasti menjumpainya seseorang yang pengasih dan penyayang.”

Firman Allah SWT dalam surah al-Rum, ayat 46 :

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ يُرْسِلَ الرِّيَّاحَ مُبَشِّرَاتٍ وَلِيُذِيقَكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ وَلِتَجْرِيَ الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ
وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: “Dan di antara tanda kekuasaanNya ialah Dia mengiriskan angin sebagai pembawa berita gembira dan untuk merasakan kepadamu sebahagian rahmatNya dan supaya kapal dapat belayar dengan perintahNya dan (juga) supaya kamu dapat mencari kurniaNya, mudah-mudahan kamu bersyukur.”

(al- Rum 30:46)

Dalam ayat ini digariskan beberapa dorongan pelayaran iaitu untuk melihat kebesaran Allah SWT. Selain itu, air digunakan untuk menggerakkan dan melayarkan kapal iaitu yang disebut dalam ayat “وَلِتَجْرِيَ الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ” terdapat medium yang menjalankannya atau yang menjadikannya dapat belayar iaitu angin. Konteks perniagaan sebagai keperluan hidup turut dikemukakan melalui perjalanan dari suatu daerah ke daerah lain ataupun dari pulau ke pulau yang lain. Berkenaan perkara-perkara ini, umat manusia hendaklah sentiasa mensyukuri kepada Allah SWT di atas nikmat samada yang nampak (zahir) mahupun yang tidak nampak secara langsung yang banyak dan tidak dapat dihitng (Ibn Kathir, 1993).

Sebagai panduan menunjuki jalan di laut dalam surah al-Naml (27:63), Allah SWT mengurniakan kepada hamba-hambaNya dengan menundukkan laut dan memudahkan mereka mengharunginya (Ibnu Kathir, 2011). Penunjuk jalan berbentuk gunung-gunung dan bukit-bukit kecil bukan sahaja untuk perjalanan di darat malah di laut juga. Selain itu, bintang-bintang dijadikan petunjuk dalam kegelapan malam bagi mencapai destinasi yang ditujukan. Semua ini dinyatakan di dalam firmanNya:

وَأَلْقَى فِي الْأَرْضِ رَوْسِي أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَأَنْهَرَ سُبُلًا لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ 15
وَعَلَّمَتِ الْوَبَالِنَّجْمَ هُمْ يَهْتَدُونَ 16

Maksudnya: Dan Ia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya ia tidak menghayun-hayunkan kamu; dan Ia mengadakan sungai-sungai serta jalan-jalan lalu lalang, supaya kamu dapat sampai ke matlamat yang kamu tuju. Dan (Ia mengadakan) tanda-tanda panduan jalan, dan dengan bintang-bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju.

(al-Nahl 16: 15-16)

Banyak lagi firman-firman Allah SWT berkenaan pengangkutan dan pelayaran yang terkandung di dalam al-Qur'an. terdapat beberapa ayat yang juga boleh dirujuk sama iaitu surah al-Syura (42: 32-34), Luqman (31:31), Ibrahim (14:32), al-Hajj (22:65), Yasin (36: 41-43), al-Jathiyah (45:12), al-Rahman (55:24), al-Naml (27:63) dan al-Zukhruf (43: 11-13). Ia menjadi panduan kepada manusia agar mengambil pengajaran dan pengetahuan tentang paparan ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi cara memanfaatkan laut dan alam sekeliling sebagai panduan pelayaran.

Menerusi ayat-ayat yang telah dipaparkan, ia membuktikan bahawa terdapat hikmah penciptaan lautan dan sungai-sungai kepada hidupan di muka bumi ini. Allah SWT memberi ilham kepada manusia untuk membina bahtera bagi berlayar dan membawa perahu-perahu ke daerah-daerah yang jauh untuk berdagang dan berpindah. Allah SWT memberikan petunjuk kepada mereka dengan apa yang telah Dia ciptakan di langit dan bumi berupa bintang-bintang, gunung-gunung yang Dia jadikan tanda bagi mereka dalam menunjukkan arah perjalanan. Selain itu, Allah SWT ciptakan untuk mereka di dalam lautan dari perhiasan, mutiara-mutiara yang unik yang tiada di daratan kecuali di dalam lautan.

4.0 Etika dan Tanggungjawab Khalifah Terhadap Laut

Dalam bahagian ini, penyelidik membahaskan perspektif al- Qur'an terhadap

i) Manusia sebagai khalifah

Penciptaan alam ini merupakan bukti kebesaran, keagungan serta kebijaksanaan Allah SWT terhadap sekalian makhluk ciptaan-Nya. Manusia selaku makhluk unik yang dikurniائي akal fikiran telah membuktikan sebaik-baik ciptaan oleh Allah SWT yang dipertanggungjawabkan untuk memikul amanah dalam memelihara alam menerusi peranan sebagai khalifah sebagaimana dalam petikan ayat-ayat al-Qur'an berikut:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Maksud: "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya."

(al-Tin 95:4)

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksud: "Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku."

(al-Dhariyat 51:56)

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً...^{٣٠}

Maksud: Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi..."

(al-Baqarah 2:30)

Ayat-ayat ini jelas menunjukkan bahawa hikmah penciptaan akal pada manusia adalah perkara yang amat berharga dan bukanlah sia-sia melainkan bertujuan untuk menjadikan manusia sebagai makhluk berperadaban serta membezakan antara manusia dan binatang (Amin, 2018). Justeru, selaku hamba yang wajib patuh kepada perintah Allah SWT, manusia perlu menyedari bahawa alam ini adalah amanah yang perlu diuruskan sebaiknya. Bagi tujuan perhambaan dan pengurusan ini, Allah SWT telah menyempurnakannya dengan sebuah agama, iaitu Islam yang menjadi panduan dan memandu keperluan hidup manusia. Firman Allah SWT:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ...^{١٩}

Maksud: "Sesungguhnya agama yang diredhai di sisi Allah hanyalah Islam..."

(Ali-'Imran 3:19)

Islam menitikberatkan kedudukan akal di mana kepentingannya perlu dipelihara bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT. al-Qur'an dan akal mempunyai hubungan yang kuat bagi manusia untuk melaksanakan aturan ibadah yang ditetapkan Allah SWT (Amin, 2018). al-Qur'an merupakan sumber utama yang terkandung di dalamnya petunjuk bagi membawa kehidupan manusia ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat. Terdapat tiga elemen asas yang ditekankan dalam al-Qur'an melalui Surah Maryam, iaitu akidah, syariat dan akhlak (Masrur, 2018).

ii) Konsep Etika/Akhlak

Etika atau akhlak merupakan ilmu yang berkait rapat dengan perilaku manusia mengenai prinsip-prinsip moral (Harris, 2021). Akhlak merupakan kata jama' dari *khuluq* (الخلق) yang berasal daripada perkataan *khalq*. Ibn Athir menghuraikan *khuluq* atau akhlak ialah bentuk kejadian manusia dari sudut batin manakala *khalq* pula adalah bentuk kejadian manusia dari sudut lahir. Ibn Maskawayh mendefinisikannya sebagai keadaan bagi sesebuah jiwa untuk melakukan perbuatan dengan mudah tanpa didahului dengan pemikiran kerana telah menjadi kebiasaan (Yasin, 1992). Di era moden, akhlak turut difahami dengan perkataan etika yang berasal daripada istilah Yunani, *ethos*, iaitu adat istiadat, watak atau kebiasaan. Etika merujuk kepada perkara-perkara berkaitan nilai-nilai, tata cara hidup yang baik, aturan yang baik dan kebiasaan yang diwarisi secara turun temurun bersandarkan adat istiadat dan kebiasaan bersumberkan pemikiran manusia dengan tujuan mengatur kehidupan termasuk mengetahui masalah baik dan buruk, benar dan salah. Umumnya, etika difahami dengan sesuatu ilmu tentang perkara yang berkaitan baik atau buruk, tentang hak dan kewajiban manusia secara moral dan berada dalam kumpulan asas atau nilai seperti akhlak. Justeru, etika dirumuskan sebagai nilai-nilai yang menjadi pegangan bagi sesebuah kelompok sama ada secara individu atau masyarakat dalam mengatur tingkah laku. Etika turut dikenali sebagai falsafah moral (Makbul, 2021).

Harris (2021) menjelaskan pensekularan yang berlaku sejak ratusan tahun di Eropah mendorong kepada peralihan kayu ukur manusia berdasarkan materialistik dan hedonistik dalam mencapai kemajuan dan kebahagiaan. Hal ini mendorong kepada berlakunya sekularisme pada zaman moden abad ke-16 sehingga turut memberi kesan terhadap aspek etika. Ia diperkukuh dengan tiga bentuk dimensi, iaitu penghilangan pesona terhadap alam (disenchantment of nature), usaha memisahkan alam daripada Penciptanya dengan penghapisan kesucian dan kemutlakan nilai-nilai (deconsecration of values) dan peniadaan kesucian dan kewibawaan agama daripada politik (desacralization of politics). Hal ini menyebabkan manusia kehilangan rasa hormat dan kebertanggungjawaban terhadap alam sekitar. Justeru, timbullah isu-isu berkaitan alam sekitar. Rahman (2017) menegaskan punca utama berlaku kerosakan alam adalah kerana sikap manusia yang mengabaikan tanggungjawab diamanahkan Allah iaitu memelihara serta memanfaatkan anugerah ciptaan Allah.

iii) Etika khalifah dalam pengurusan alam sekitar (laut)

Di era globalisasi ini, perbincangan mengenai alam sekitar menjadi perbincangan sarjana sebagaimana bidang-bidang lain seperti politik, sukan dan hiburan. Namun, keprihatinan manusia berkaitan alam lebih menjurus kepada perbincangan sains dan teknikal berbanding penghayatan agama. Yaakob (2022) menegaskan pemikiran Hamka meyakini bahawa alam ini pastinya mempunyai perkaitan secara langsung dengan konsep ciptaan dan Pencipta. Alam juga adalah sebahagian daripada makhluk yang mempunyai falsafahnya tersendiri serta dikaitkan dengan konsep ketuhanan yang merujuk kepada Allah SWT. Menurut Kamarudin Kamarudin (2020), terdapat tiga amanat dari Allah untuk manusia menguruskan alam ini. Pertama, al-*l'tibar* iaitu manusia dituntut supaya sentiasa menggali dan memikirkan rahsia di sebalik ciptaan Allah di samping mengambil iktibar daripada kejadian alam. Kedua, al-*islah* iaitu manusia diwajibkan untuk terus menjaga dan memelihara kelestarian alam. Ketiga, al-*intifa'*, iaitu manusia perlu mengambil manfaat dan menggunakan hasil alam ini sebaiknya demi kesejahteraan dan kemaslahatan. Justeru, sumber alam seharusnya diuruskan dengan baik tanpa sebarang dominasi atau eksploitasi berkepentingan, ia seharusnya dihargai dan dikagumi.

Warisan alam termasuklah ciptaan-ciptaan berunsurkan air perlu dipelihara oleh manusia tanpa meletakkan tanggungjawab ini kepada individu atau kumpulan-kumpulan tertentu. Ini kerana, alam yang diciptakan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan manusia berdasarkan persoalan-persoalan yang menyentuh tentang kebersihan dan ibadat, contohnya keutamaan penggunaan air bersih atau air mutlak yang terdiri daripada tujuh jenis, iaitu air hujan, air laut, air sungai, air telaga, air mata air, air embun dan salji. Kini, usaha kelestarian alam menjadi antara penekanan penting dalam kumpulan manusia kerana wujudnya sikap-sikap tidak beretika yang menyumbang ke arah pencemaran alam sekitar, contohnya longgokan sampah dan bahan berminyak di sekitar tebing sungai dan laut, penebangan hutan secara berleluasa, bahkan air hujan yang turun kini dilihat tidak selamat kerana dikaitkan dengan pelbagai unsur-unsur bahan tercemar (Yaakob, 2022). Justeru, manusia haruslah peka dengan tanggungjawabnya untuk mengurus sumber-sumber ini dengan baik.

Pemeliharaan dan pemuliharaan sumber alam adalah penting kerana dapat mendorong manusia menggerakkan akal ke arah mencari, menyelidik, menaakul dan memahami peranan alam yang diciptakan sebagai tempat tinggal manusia. Usaha menghargai alam bukan sekadar taklid semata-mata, namun sebaiknya manusia perlu memperkasa kesungguhan ini dengan memerhati serta berfikir tujuan kewujudannya serta manfaat untuk manusia. Justeru, manusia diperintahkan untuk sentiasa mempelajari, memahami dan menjaga keseimbangan alam ini serta meningkatkan keimanan dan kesyukuran kepada Allah SWT (Kamarudin Kamarudin, 2020).

Oleh kerana pentingnya setiap unsur alam terhadap manusia, beberapa langkah pemuliharaan dan penjagaan sumber alam khususnya melibatkan sumber air sama ada di darat dan lautan perlu dipelihara sewajarnya. Pendidikan awal berkenaan alam sehausnya bermula dari rumah yang menekankan peranan ibu bapa dalam memberi didikan serta menerapkan nilai-nilai murni yang membentuk keperibadian anak-anak, seterusnya melahirkan insan kamil yang positif terhadap alam sekitar serta memelihara kualitasnya. Ibu bapa berperanan menunjukkan teladan yang baik dan menerapkan sikap disiplin serta menjadi model kepada anak-anak dalam menyemai perasaan kasih dan sayang terhadap alam sekitar (Nurul Hidayah Liew Abdullah, 2013). Peringkat ini penting sebagai permulaan sebelum anak-anak menerima pendidikan formal di institusi pendidikan peringkat rendah, menengah atau tinggi. Pandangan ini diperkukuhkan juga oleh penulisan (Hanifah Mahat, 2014) yang menyatakan keluarga merupakan permulaan yang ideal sebagai pendidik pertama bagi anak-anak yang boleh menjadi model untuk dicontohi kerana mempunyai pengaruh yang besar dalam pembentukan sahsiah, sikap, nilai, tingkah laku dan juga tabiat. Pengaruh ini juga boleh dipengaruhi oleh rakan-rakan dan pengaruh lain berdasarkan kajian yang menyatakan responden mengakui bahawa kesihatan bumi dan alam sekitar merupakan tanggungjawab generasi muda. Kajian ini membuktikan bahawa generasi muda bukan sahaja dipengaruhi oleh ibu bapa, bahkan rakan juga memberi kesan dalam perihal saling memberi, menerima pandangan, pengetahuan berhubung alam sekitar.

Sektor pendidikan perlu menekankan pembelajaran berkaitan pelestarian alam seperti menyemai nilai tanggungjawab dalam kalangan pelajar terhadap nilai kebersihan, khususnya di persekitaran sekolah atau pusat-pusat pendidikan. Rahman (2017) menyatakan pendidikan berkaitan alam sekitar merupakan langkah paling berkesan bagi menangani masalah berkaitan alam sekitar. Pendidikan boleh dilaksanakan melalui sikap atau teladan yang ditunjukkan oleh guru seperti menjaga keselamatan dan kebersihan di persekitaran, membuang sampah di tempat yang disediakan serta membaik pulih kerosakan-kerosakan yang boleh mendatangkan kemudaratan, terutamanya bermula di bilik darjah (Rahman, 2017; Lestari, 2018). Subjek seperti pendidikan moral dan pendidikan alam perlulah dilaksanakan juga secara praktikal bagi menanamkan sikap biasa dan berhemah menguruskan alam dalam kalangan pelajar. Kepemimpinan oleh guru dalam konsep alam sekitar adalah penting bagi menampakkan nilai seorang pemimpin yang berjiwa alam sekitar, memiliki peribadi dan tingkah laku ke arah menghargai dan mencintai alam sekitar (Masitah Mohammad Yusof, 2013).

Pihak kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan juga harus melipat gandakan usaha dengan menganjurkan aktiviti berbentuk tanggungjawab sosial dengan menaja atau mengambil bahagian dalam program kesedaran dari masa ke semasa. Di samping itu, media massa juga boleh berperanan dalam menyiarkan dokumentari atau menerbitkan bahan bacaan bersesuaian bagi berkaitan alam sekitar agar orang ramai terdedah dengan maklumat dan kepentingan penjagaan alam sekitar. Pembelajaran teori dan praktikal seharusnya bersepadu dan berterusan daripada antroposentrik kepada ekosentrik agar kerosakan, kemusnahan alam dapat dikurangkan dan dicegah (Azman, 2011). Umumnya, kesedaran dan usaha pemeliharaan ini perlulah bermula daripada dalam diri individu yang berpandukan kepada persekitaran, pendidikan dan pendedahan. Maka, adalah penting bahan-bahan bacaan sebaiknya adalah bahan yang mampu meningkatkan kesedaran pelajar atau murid, individu dan masyarakat dalam menghargai alam.

Usaha pemeliharaan ini boleh dilaksanakan oleh pemimpin menggunakan kelebihan yang ada dengan memperketatkan lagi undang-undang berkaitan pemeliharaan alam sekitar bagi mengatasi masalah sampah khususnya. Lazimnya, di sekitar pantai atau sungai-sungai yang menjadi tumpuan awam pastinya terbina pusat-pusat seperti aktiviti jualan yang menggalakkan jual beli dengan penggunaan bekas-bekas makanan atau plastik. Oleh itu, kerjasama di antara masyarakat sekitar dan pengunjung adalah penting bagi memastikan persekitaran yang dikunjungi sentiasa bersih, terpelihara serta selamat daripada sebarang kekotoran atau penyakit. Pemimpin atau pihak penguasa boleh mengenakan tindakan tegas sekiranya terdapat sebarang perlakuan yang bercanggah dengan etika terhadap alam sekitar. Antara lainnya, usaha yang boleh dilakukan oleh pemimpin atau penguasa tempatan adalah menyediakan dan memantau aktiviti setempat pengunjung, meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, bekerjasama dengan organisasi atau agensi berkaitan serta mengenakan tindakan atau kompaun kepada individu yang melanggar peraturan aspek kebersihan (Wau, 2021).

Pemeriksaan Teknologi Hijau juga merupakan usaha yang baik dalam memastikan kelangsungan sumber air dapat dipelihara daripada pencemaran yang dihasilkan dalam kegiatan harian. Malaysia telah mula melaksanakan dasar menuju alam sekitar hijau sejak Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). Istilah Bandar Hijau diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan telah diguna secara meluas di Barat sejak awal tahun 1990-an. Bandar Hijau merujuk kepada bandar yang dirancang untuk mengurangkan pengeluaran sampah dan pencemaran melibatkan hal-hal berkaitan dengannya (Thenmolly Vadeveloo, 2021). Teknologi Hijau merupakan teknologi mesra alam dan rendah karbon bagi mengurangkan pelepasan gas karbon ke udara yang boleh menyebabkan berlakunya perubahan cuaca dunia. Langkah ini boleh membantu dalam melambatkan proses perubahan cuaca dunia yang boleh menyebabkan bencana alam seperti ribut taufan, kecairan ais di kutub utara dan selatan, kenaikan paras dan suhu air laut, kepupusan spesies flora dan fauna, dan sebagainya. Antara usaha yang boleh dilakukan ialah mengitar semula barangan terpakai, mengurangkan pembuangan sampah,

mengutamakan produk bersifat mesra alam, menggunakan pengangkutan awam dan menggunakan air yang dirawat secara bijaksana (Ismail, 2020).

Keindahan pesisiran pantai Malaysia dan kepulauan menjadi antara tonggak kepada ekonomi negara dalam sektor pelancongan. Pelancongan maritim merupakan antara produk pelancongan yang mampu menjana pendapatan yang lumayan. Justeru, dalam memenuhi keperluan penjagaan alam sekitar di samping menjana pendapatan negara, pembangunan di kawasan pesisiran pantai serta pulau-pulau peranginan hendaklah dilakukan secara teliti bagi mengekalkan nilai estetika dan semula jadi. Justeru, bagi mengawal tingkah laku manusia dalam mengendalikan pembangunan lestari, pelbagai agensi ditubuhkan bagi menguruskan kawasan maritim negara. Antara jabatan yang terlibat adalah Polis Marin, Jabatan-jabatan Laut, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geosains serta Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim. Agensi-agensi berkenaan bertanggungjawab dalam melindungi dan memelihara aktiviti seperti perikanan, industri petroleum dan gas, alam semula jadi maritim, pencemaran laut dan kegiatan-kegiatan jenayah laut (Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, 2021).

Menurut Jabatan Alam Sekitar, pencemaran air terbahagi kepada dua iaitu punca tetap dan punca tidak tetap. Pencemaran daripada punca tetap berlaku akibat pelepasan sisa buangan yang dilepaskan ke alur air atau sungai melalui limpahan atau paip. Punca tidak tetap pula berpunca daripada air larian hujan (*surface run off*) yang membawa penceram ke sungai atau ke laut (<https://www.doe.gov.my/>). Pencemaran ini boleh disebabkan oleh serpihan fizikal seperti botol air, tayar getah dan plastik.

Pencemaran laut bermaksud laut terancam dengan kegiatan manusia yang memasukkan sesuatu bahan dalam jumlah tertentu yang menyebabkan penurunan kualiti lingkungan laut dan fungsi laut terjejas akibat perbuatan tersebut (A. D. Shakit et.al, 2012). Hasil kegiatan tidak bermoral ini menyebabkan terganggunya keselesaan atau kemandirian kehidupan (S.S. Hamid@Hussain, 2021). Ini berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab individu dan organisasi yang mengambil jalan mudah dalam melakukan pembuangan sisa industri dan perindustrian di laut dan sungai. Bagi industri perkilangan, seringkali dilaporkan berkenaan aktiviti pembuangan sisa toksik di sungai-sungai kecil. Namun begitu, ia memberi kesan kepada laut kerana sungai mengalir dan menuruni bukit dan lazimnya berakhir di laut.



Rajah 1.0: Pembuangan Sampah di Sungai
(Sumber: greelane.com)

Oleh yang demikian, masyarakat harus mengekalkan dan menambah baik usaha-usaha yang pemeliharaan dan pemuliharaan laut dan sungai. Pelbagai pencemaran yang berlaku disebabkan pembuangan sampah dalam laut dan sungai sebagaimana dalam Rajah 1, penempatan setinggan di tepi sungai, sisa ternakan dan pertanian, air buangan dari industri dan sebagainya. Apa yang diwawarkan di media mutakhir ini amat menyedihkan terutama selepas kerajaan membenarkan aktiviti rekreasi seperti perkelahan dan riadah. Namun, aktiviti perkelahan di tepi sungai dicemari dengan sampah, sisa makanan termasuk bahan-bahan bungkusan makanan dan minuman serta bahan buangan yang tidak sepatutnya, dibiarkan bersepah dan ia bukan sahaja memberi kesan kepada persekitaran air tetapi boleh menyebabkan pencemaran air di kawasan tersebut. Perkara ini seolah menjadi tradisi segelintir masyarakat yang masih mementingkan diri dan tidak cakna dalam kebersihan di tempat awam.

5.0 Kesimpulan

Manusia merupakan khalifah yang dipertanggungjawabkan untuk memakmurkan bumi, termasuklah laut. Manusia seharusnya sedar akan faedah penciptaan laut sebagai sumber makanan dan perhiasan serta medium pengangkutan dan pelayaran. Justeru, manusia hendaklah sentiasa merujuk al-Qur'an sebagai dasar panduan dan pengetahuan berkenaan laut dan hidupnya agar dapat dimanfaatkan dalam kehidupan. Firman Allah SWT dalam al-Qur'an bermaksud:

“Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

(al-Rum 30: 41)

Walaupun akhlak dan etika mempunyai persamaan daripada sudut membentuk peribadi baik, namun terdapat perbezaan ketara di antara keduanya dari aspek sumber. Ini kerana akhlak bersumberkan wahyu manakala etika bersumberkan akal pemikiran. Justeru, dalam hubungan bersifat horizontal di antara manusia dan alam, kemungkinan berlaku kerosakan alam tidak dapat ditolak sekiranya manusia selaku pengurus alam mengetepikan peranan Islam sebagai panduan dalam kehidupan. Selain itu, masyarakat perlu menyedari akan tanggungjawab sebagai khalifah dalam memulihara laut dan sungai bukanlah hanya terletak kepada segelintir individu atau pihak berwajib, bahkan seluruh masyarakat perlu menghargai air dengan menjimatkan penggunaan air dalam kehidupan seharian. Pelaksanaan kempen tersebut adalah seiring dengan pemupukan akhlak, mentaliti dan budaya masyarakat kearah perubahan agar mencintai kebersihan sekaligus dapat melestarikan pemeliharaan alam dan sungai bagi tujuan kehidupan sejahtera. Oleh yang demikian, masyarakat disarankan agar dapat bekerjasama secara berterusan dan bertanggungjawab dalam menjaga kelestarian alam sekitar dan sungai.

Rujukan

Al-Qur'an.

Abd. B. Nuh & Oemar Bakry (1995). Kamus. Kuala Lumpur: Victory Agency.

Abi Hamid al-Ghazali al-Tusi (1978). *al-Hikmah fi Makhluqatillah* (takhik) Dr. Muhd. Rashid al-Qabbani. Beirut: Dar Ihya' al-'Ulum.

Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Z. A. (2021). Pengasasan dan Peranan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, 2004-2014. Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya; No.30 (1), 172-189.

Ali Audah (1997). *Konkordansi Qur'an*. Cet. 2. Jakarta: Penerbit Litera AntarNusa, Bandung: Penerbit Mizan.

Amin, M. (2018). Kedudukan Akal dalam Islam. *Jurnal Tarbawi*, Volume 3, No 1, 79-92.

Azman, T. P. (2011). Hubungan antara Komitmen Terhadap Alam Sekitar dengan Tingkah Laku Mesra Alam Sekitar dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Personalita Pelajar*, Bil 14, 11 - 22.

Hafizahril Hamid (2010). 1001 Rahsia Hidupan Laut (Utusan Malaysia, 10 Oktober 2010). Diperoleh daripada

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1010&sec=Rencana&pg=re_13.htm#ixzz3UCgAXUFO

Hanifah Mahat, S. A. (2014). Pendidikan Pembangunan Lestari - Hubungan kesedaran antara ibu bapa dengan pelajar. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 10, issue 5, 71-84.

Harris, K. M. (2021). Sekularisasi Etika dan Krisis Moral Masa Kini. *Afkar Vol. 23 Issue* , 121-170.

Ibn Kathir (1993). *Tafsir al- Qur'an al-`Azim*. Juzu' 3. Cet. 7. Kaherah: Dar al-Hadith.

Ibn Kathir (t.t.). *al- Bidayah wa al- Nihayah*. (takhik) Hamman Abd al-Mannan. Jil. 1. Bait al-Afkar al-Duwaliyyah.

- Ibnu Kathir (2011). *al-Misbah al-Munir fi Tahzib Tafsir Ibn Kathir* (terj.) Shahih Tafsir Ibnu Katsir. Jil. 7. Cet. 4. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.
- Ibnu Katsier (1994). *Terjemah Singkat Tafsir Ibnu Katsier* (H. Salim Bahreisy dan H. Said Bahreisy). Jil. 5. Kuala Lumpur: Victoria Agency.
- Ibnu Katsir (2012). *al-Bidayah wa al-Nihayah* (terj.) Abdullah bin Abdul Muhsin. Jil. 1. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Ismail, B. L. (2020). Teknologi Hijau dalam Arus Pembangunan Negara dan Amalan Masyarakat. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid III*, 161-168.
- Kamarudin Kamarudin, A. S. (2020, November 25). Dampak Pencemaran Lingkungan dan Eksploitasi Sumber Daya Alam: Beberapa Pandangan Al-Qur'an. Retrieved from OSFPREPRINTS: <https://osf.io/n4xjm>
- Lestari, Y. (2018). Penanaman Nilai Peduli Lingkungan Dalam Pembelajaran Ilmu Pengetahuan Alam. *Trihayu: Jurnal Pendidikan Ke-SD-an*, Vol. 4, Nomor 2, 332-337.
- M. Quraish Shihab (1996). *Wawasan al-Qur'an: Tafsir Maudhu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat*. Cet. 13. Bandung: Penerbit Mizan.
- Makbul, M. (2021). Falsafah Akhlak dalam Konteks Pemikiran Etika Modern. Makassar: UIN Alauddin Makassar.
- Masitah Mohammad Yusof, A. M. (2013). Faktor- Faktor yang Mempengaruhi Efikasikendiri Guru Sekolah Menengah di Malaysia dalam Pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 28, 131-153.
- Masrur, M. S. (2018). Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Surat Maryam Ayat 30-34: Tinjauan Akidah, Syariat dan Akhlak. Yogyakarta: Universiti Islam Indonesia.
- Al-Mu`jam al-'Arabi al-Asasi (t.t.) al-Munazzamah al-'Arabiah li Tarbiyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum.
- Nurul Hidayah Liew Abdullah, H. S. (2013). Pengetahuan Murid dan Perkaitan Ibu Bapa Terhadap Kesedaran Alam Sekitar: Satu Kajian Awal. *Jurnal Teknologi*, 51-57.
- Rahman, H. A. (2017). Usaha dan Cabaran dalam Mengaplikasikan Pendidikan Alam Sekitar dalam Sistem Persekolahan di Malaysia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, Vol. 1, Issue. 2., 61-70.
- S.S. Hamid@Hussain (2021). Analisa Tahap Kesedaran Komuniti Terhadap Tahap Pencemaran Industri Kajian Kes: Yan, Kedah. *Jurnal Sains Sosial (KUIM)*, Vol. 6 (1), 97-107 <http://journal.kuim.edu.my/index.php/JSS/article/view/879>
- Sayyid Quthb (t.t.). *Tafsir Fi-Zhilalil Qur'an: Di Bawah Naungan al-Qur'an* (terj.) Jil. 8., Robbani Press.
- Syakti, A.D., Hidayati, N.V. & Siregar (2012). *Agen Pencemaran Laut*. Bogor: PT Penerbit IPB Press.
- Syauqi Dif (1969). *al-Rihlat*. Kaherah: Dar al-Ma`arif.
- Thenmoli Vadeveloo, S. M. (2021). Gambaran Keseluruhan Program Tenaga Boleh Diperbaharui Ke Arah Konsep Pembangunan Bandar Hijau Di Kerajaan Tempatan Melaka. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, Vol. 3 No. 3, 112-126.
- Al-Tusi, Abi Hamid al-Ghazali (1978). *al-Hikmah fi Makhluatillah* (tahkik) Muhd. Rashid al-Qabbani. Beirut: Dar Ihya' al-'Ulum.

Wau, V. A. (2021). Pentingnya Pembangunan Kesadaran Masyarakat Akan Dampak Pembuangan Sampah Plastik Di Laut. 1859JUSTITIA : Jurnal Ilmu Hukum dan Humaniora, Vol. 8No. 6Tahun , 1859-1871.

Yaakob, Z. (2022, Januari 5). Falsafah Alam dalam Konteks Falsafah Ketuhanan Menurut Hamka. Retrieved from Scholar: <http://www.ukm.my/ijit/IJIT%20Vol%201%202012/9Zulazmi.pdf>

Yasin, S. b. (1992). Akhlak dan Tasawuf. Bangi: Yayasan Salman.

Pengurusan Sungai. Diperoleh daripada portal rasmi Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor <http://water.selangor.gov.my/index.php/ms/maklumat-jabatan/fungsi-jabatan/pengurusan-sungai>

Punca Pencemaran. Diperoleh daripada portal rasmi Jabatan Alam Sekitar <https://www.doe.gov.my/portalv1/wp-content/uploads/2018/09/i-Pengenalan-Kepada-Beban-Pencemaran.pdf>

JAWATANKUASA JURNAL PENGAJIAN ISLAM

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
<http://journal.kuis.edu.my/e-jurnal-pengajian-islam/>